

26/03/2002

Hantar pendatang pulang bantu kurangkan jenayah

Mohd Azrone Sarabatin

TINDAKAN kerajaan menghantar balik pendatang tanpa izin ke negara asal mereka adalah usaha bijak dan mampu mengurangkan kadar jenayah yang dilakukan oleh golongan terbabit.

Ini kerana, sejak akhir-akhir ini berlaku banyak kegiatan jenayah dan kegiatan tidak bermoral termasuk membabitkan pembunuhan, rompakan, penculikan dan rogol yang dilakukan oleh pendatang terbabit.

Bagaimanapun, tidak semua pendatang berkenaan yang membabitkan diri dengan kegiatan jenayah, sebaliknya ramai di antara mereka yang datang ke sini tanpa melakukan tindakan tidak diingini.

Ketua Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Azizah Kasim berkata, pendatang haram datang ke negara ini dengan niat baik sepatutnya mendapatkan permit kerja yang sah.

Katanya, pemilikan permit berkenaan membolehkan mereka bekerja secara aman, dapat memperoleh rezeki halal dan tidak mendapat gangguan daripada pihak berkuasa yang menjalankan undang-undang negara.

Beliau berkata, senario berlaku sekarang ialah kehadiran pekerja tanpa permit yang membabitkan diri dengan jenayah berat termasuk melakukan keganasan ketika dalam tahanan.

"Usaha membanteras kehadiran pendatang ke negara ini adalah tindakan bijak dan berkesan bagi mengurangkan pertambahan kes jenayah yang banyak dilakukan oleh mereka serta dapat mewujudkan ketenteraman awam.

"Ia adalah langkah bijak, berkesan dan perlu mendapat sokongan daripada pelbagai pihak termasuk anggota masyarakat menerusi tindakan melaporkan penempatan golongan berkenaan.

"Dari sudut yang lain, tindakan itu dapat membantu mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing terutama membabitkan bidang kritikal seperti sektor pembinaan dan perladangan untuk digantikan dengan belia tempatan yang masih ramai menganggur," katanya.

Dr Azizah berkata demikian ketika diminta mengulas usaha bersepadu kerajaan bagi menghantar balik pekerja yang datang tanpa permit ke negara kita, di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Awal tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan bertindak tegas menghantar balik pendatang ke negara asal berikutan pembabitkan mereka dalam pelbagai kegiatan jenayah.

Selain rompakan, pembunuhan dan penculikan, rata-rata pendatang terbabit membuka penempatan di kawasan setinggan dan memberi gangguan kepada penduduk tempatan.

Dr Azizah yang memperoleh ijazah doktor falsafah (PhD) daripada School of Oriental and African Study, Universiti of London mempunyai pengalaman luas dalam bidang kajian migrasi antarabangsa, wanita dan kajian perbandaran.

Berasaskan kajiannya, migrasi antarabangsa antaranya berpunca daripada mencari peluang pekerjaan, mendapatkan perlindungan, budaya nenek moyang dan meneruskan pengajian.

Beliau berkata, sekiranya migrasi antarabangsa berlaku menerusi saluran yang betul kesannya tidak merungsingkan berbanding datang ke sesebuah negara tanpa permit sah.

Katanya lagi, kerajaan juga dapat memantau pergerakan golongan datang secara sah kerana mempunyai maklumat yang sahih berkaitan individu atau kumpulan terbabit.

"Tidak dapat dinafikan buruh dari negara luar banyak membantu menjayakan

projek mega terutama membabitkan pembinaan dan perladangan tetapi malangnya ramai antara mereka masuk ke negara kita tanpa permit sah.

"Sesuatu yang tidak diingini dan tidak sepatutnya berlaku mereka bertindak kasar termasuk menyerang pihak berkuasa apabila ada di antara rakan mereka yang ditahan kerana terbabit dengan kejadian jenayah.

"Mereka akan bersatu bagi membela rakan terbabit tanpa memikirkan risiko kehilangan kerja dan ditahan oleh pihak berkuasa berikutan kes jenayah yang dilakukan mereka," katanya.

Dr Azizah dalam kajiannya mengesan, terdapat pendatang dari negara jiran yang datang ke negara ini kerana mewarisi budaya yang diamalkan oleh nenek moyang mereka sejak lebih 200 tahun lalu.

Beliau berkata, senario ini dapat dilihat menerusi kehadiran pendatang dari Indonesia yang datang ke Semenanjung dan selatan Filipina berhijrah ke Sabah.

(END)